

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah tiada penyelarasan antara Menteri Pengajian Tinggi, Menteri Pendidikan dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam pengumuman PKPB September dan Oktober 2020 melibatkan penutupan institusi pengajian tinggi, sekolah, tadika dan taska menyebabkan ibu bapa tidak dapat membuat persiapan awal.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Sepertimana sedia maklum, setiap Kementerian mempunyai bidang kuasa yang berbeza, oleh yang demikian pengumuman perkara khusus dibawah bidang kuasa kementerian dan agensi dilaksanakan sebagai badan yang bertanggungjawab terhadap perihal berkenaan. Walaubagaimanapun, perincian terhadap kandungan dan kaedah pelaksanaan bagi tujuan menyediakan *Standard Operation Procedure* (SOP) adalah melibatkan penyelarasan bersama oleh Kementerian dan Agensi lain.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memantau rapat keadaan sekolah di seluruh negara ekoran penularan dan peningkatan kes COVID-19. KPM menyedari kebimbangan ibu bapa dan mengambil kira pandangan pelbagai pihak terhadap pengoperasian persekolahan. Keputusan untuk menutup sekolah di seluruh negara dibuat di peringkat Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) Mengenai Pengurusan COVID-19 atas nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

3. Keputusan untuk menutup sekolah di bawah KPM dibuat berdasarkan penelitian mendalam terhadap data dan situasi semasa mengikut lokasi yang ditetapkan zon merah pihak KKM. KPM tidak pernah berkompromi dan mengambil risiko dari segi keselamatan dan kebajikan warga sekolah serta bertanggungjawab untuk memutuskan rantai penularan kes COVID-19 di sekolah. KPM tidak pernah berpengalaman menangani krisis seperti COVID-19, namun pengalaman beberapa bulan sebelum ini memberi petunjuk kepada KPM mengambil pendekatan yang sesuai mengikut keadaan. Ini kerana penutupan sekolah memberi kesan yang besar kepada negara dan masyarakat serta melibatkan lebih lima juta murid dan 500 ribu guru di lebih 10 ribu sekolah. Oleh itu, sebarang keputusan KPM perlu mengambil kira akses murid terhadap pembelajaran termasuk murid di kawasan pedalaman.

4. Keputusan penutupan sekolah berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara Mengenai Pengurusan COVID-19 akan diterjemahkan melalui arahan rasmi penutupan sesebuah sekolah oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM). KPPM mewakili kuasa kepada Pengarah Pendidikan Negeri dan Pegawai Pendidikan Daerah untuk menutup sekolah di bawah pentadbiran mereka. Pengarah Pendidikan Negeri juga boleh menutup sekolah berdasarkan keputusan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri atas nasihat pihak KKM. Pengetua dan guru besar pula bertanggungjawab memaklumkan keputusan penutupan sekolah kepada ibu bapa serta memastikan guru sekolah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah.

5. Manakala, pengumuman penutupan IPT adalah dibuat secara menyeluruh dan tidak mengikut kawasan yang dibuat PKPB atau PKBD.

NO. SOALAN : 12

Untuk makluman tambahan, pengurusan dan pentadbiran bagi Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan Kolej Komuniti dan Politeknik adalah dibawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Tinggi dan setiap keputusan yang dibuat adalah dibawah bidang kuasa KPT.

6. Begitu juga pengumuman yang dibuat untuk penutupan yang dibuat oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) adalah bergantung kepada status kawasan berkenaan samada dibuat PKPB atau PKPD.

Sekian, terima kasih.